

23 JUL 2003

Law-Nobel/I

M'SIA JADI TUAN RUMAH PAMERAN HADIAH NOBEL SEABAD

PUTRAJAYA, 23 Julai (Bernama) -- Malaysia telah dipilih menjadi tuan rumah bagi anugerah paling berprestij di dunia, Pameran Hadiah Nobel Seabad, pada Mac depan, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding hari ini.

Pameran itu akan diadakan di Pusat Sains Negara di Kuala Lumpur dari 20 Mac hingga 27 Julai, katanya.

"Pameran itu akan memberi peluang kepada rakyat Malaysia mengetahui apa sebenarnya Hadiah Nobel. Kita pernah mendengar mengenai anugerah itu tetapi ramai tidak tahu bagaimana untuk memenanginya.

"Ini juga selaras dengan seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada rakyat Malaysia supaya memenangi Hadiah Nobel sebelum 2020," katanya kepada pemberita selepas taklimat media mengenai Ekspo S&T 2003: Sebuah Pameran Sains dan Teknologi di sini.

Law berkata Malaysia merupakan satu-satunya negara membangun dipilih menjadi tuan rumah pameran berkenaan selepas sembilan negara lain diberi peluang sebelum ini termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun dan Itali.

Semasa pameran itu, pemenang-pemenang hadiah itu sebelum ini akan mengadakan ceramah dan juga aktiviti lain.

"Kami akan menyediakan program pameran tidak lama lagi," katanya.

Tahun 2001 menandakan ulangtahun ke-100 anugerah itu.

Lebih 700 orang telah menerima hadiah berprestij itu kerana sumbangan cemerlang mereka dalam bidang kimia, perubatan, sastera dan keamanan sejak 1901 dan bidang ekonomi sejak 1969.

Bagi memperingati Hadiah Nobel Seabad, Yayasan Nobel menubuhkan Muzium Nobel di Stockholm, Sweden.

Muzium Nobel itu menampilkan riwayat hidup Alfred Nobel, latarbelakang kewujudan Hadiah Nobel dan sistem memilih pemenang dan penganugerahan hadiah.

Satu contoh pameran itu dibentuk bagi dipamerkan di seluruh dunia. Tahun lepas, sebuah pameran bergerak diadakan di Oslo kerana Norway dan Sweden adalah antara negara yang memberi hadiah itu. Venue akan datang ialah di Tokyo.

Pameran bergerak ini menarik minat orang awam.

Law juga berkata seramai 15,000 pengunjung dijangka melawat Ekspo Sains dan Teknologi di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur pada 7 Ogos ini.

"Tahun ini, kita ada lebih 100 pempamer antara lain dari bidang ruang angkasa dan penerbangan, peralatan audio visual, bioteknologi, pendidikan, robotik, kesihatan dan kecergasan," katanya.

Ekspo S&T 2003 merupakan medan serantau bagi para saintis, ahli teknologi, penyelidik, pencipta, tokoh-tokoh industri, peneroka modal dan pelabur menjalinkan rangkaian dan memasarkan produk.

-- BERNAMA

SHI DC PR